

Hasil sektor perkhidmatan suku ketiga meningkat 7.6 peratus

Hasil sektor perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan 7.6 peratus tahun ke tahun kepada RM584.0 bilion pada suku ketiga 2023, dirang sang prestasi menggalakkan bagi semua segmen di bawah sektor itu, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Sektor perkhidmatan merekodkan pertumbuhan sebanyak 6.9 peratus pada suku kedua tahun ini.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata peningkatan ketara dicatatkan segmen perdagangan borong dan runcit serta makanan dan minuman serta penginapan naik RM28.7 bilion kepada RM446.6 bilion.

“Ini diikuti segmen maklumat dan komunikasi serta pengangkutan dan penyimpanan meningkat RM7.2 bilion atau 9.8 peratus); segmen profesional, hartanah serta pentadbiran dan khidmat sokongan (RM31.1 bilion; 9.4 peratus), segmen kesihatan dan pendidikan swasta, kesenian, hiburan dan rekreasi, perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti (RM2.2 bilion; 12.3 peratus,” katanya.

Beliau berkata demikian menerusi kenyataan mengenai Prestasi Sektor Perkhidmatan dan Pendapatan E-dagang, Suku Tahun Ketiga 2023 yang dikeluarkan, semalam.

Dari segi analisis perbandingan suku tahun ke suku tahun, jumlah hasil sektor perkhidmatan pada suku ketiga 2023 merekodkan kenaikan 2.8 peratus atau RM15.8 bilion berbanding suku tahun sebelumnya.

Mohd Uzir berkata, jumlah pekerja dalam sektor ini seramai 4.4 juta orang, meningkat 79,400 orang atau 1.8 peratus tahun ke tahun.

“Kenaikan ini disumbangkan oleh subsektor perdagangan borong dan runcit dengan peningkatan sebanyak 37,200 orang atau 1.9 peratus, diikuti subsektor pengangkutan dan penyimpanan (15,000 orang; 4.2 peratus),” katanya.

Beliau berkata, bagi suku tahun ke suku tahun, jumlah pekerja berkembang 0.6 peratus, meningkat 24,400 orang.

Mengenai pendapatan e-dagang, Mohd Uzir berkata, e-dagang mencatatkan nilai RM289.5 bilion, iaitu bertumbuh 5.4 peratus tahun ke tahun pada suku ketiga 2023.

Bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun, pendapatan e-dagang meningkat 3.2 peratus.

Mohd Uzir berkata, gaji dan upah dibayar mencatatkan peningkatan sebanyak RM1.1 bilion atau 3.6 peratus tahun ke tahun.

“Kenaikan ini disumbangkan subsektor perdagangan borong dan runcit dan pengangkutan dan penyimpanan yang bertambah masing-masing sebanyak RM400 bilion dan RM200 bilion,” katanya.

BERNAMA